



25 penyelidik sertai Kolokium Penyelidikan UMP dan Sapura

Oleh: ZURYATY ZOL

Seramai 25 penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Kolokium Penyelidikan Bersama Industri: UMP dan Sapura yang berlangsung di Sapura Industrial Berhad, Bandar Baru Bangi pada 17 Mac 2016 yang lalu.

Penganjuran kolokium penyelidikan ini mampu mengeratkan hubungan kerjasama di antara universiti dengan industri di samping meninjau prospek kolaborasi dalam bidang-bidang penyelidikan yang berpotensi melibatkan kedua-dua institusi ini.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sapura Industrial Berhad, Helmi Sheikh Mahmood yang juga merupakan panel penasihat industri di FKP.

Manakala ucap-tama industri disampaikan oleh Pakar Kanan di Pusat Teknikal Sapura, Aminuddin Ghazali dengan tajuk berkaitan penyelidikan dan pembangunan.

Selain itu, pensyarah UMP, Profesor Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff turut berkongsi kepakaran mengenai pembangunan mata alat manakala Dr. Ahmad Nasser Mohd Rose dari Sapura menyampaikan pencerahan mengenai sistem pembuatan *lean*.

Dalam kolokium ini juga, seramai lima penyelidik UMP telah dilantik sebagai **fellow** penyelidik Sapura yang diketuai oleh Profesor

Dr. Shamsuddin Baharin. Empat lagi penyelidik terdiri daripada Profesor Dr. Wan Azhar Man Yusoff, Profesor Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff, Dr. Fadhlur Rahman Mohd Romlay dan seorang pelajar pascasiswazah FKP, Nur Iffah Ramli.

Menerusi pelantikan ini dapat merealisasikan dan perancangkan lagi pencapaian perancangan strategik UMP 2016-2020 untuk pembangunan staf yang kompeten dan profesional.

Selain daripada perbincangan dua hala, penyelidik UMP yang terdiri daripada pelajar ijazah kedoktoran dan sarjana juga dapat melihat secara praktikal operasi pemesinan alatan automotif yang dijalankan di syarikat Sapura Industrial Berhad.

Menurut salah seorang Pensyarah FKM merangkap Felo Penyelidik, Dr. Fadhlur Rahman Mohd Romlay, sebanyak empat bidang dikenal pasti untuk dibangunkan bersama UMP terdiri daripada pembangunan produk baharu untuk dikomersial oleh Sapura, proses pemesinan, sistem pembuatan dan pendidikan sepanjang hayat membabitkan staf Sapura.

Sejak 2009, perjanjian kerjasama telah dibuat bagi membolehkan projek pembangunan modul *absorber* pasif dijalankan dan juga pengujian sistem suspensi dibuat di UMP.

“Kini terdapat dalam kalangan staf Sapura menjadi pelajar ijazah penyelidikan UMP dan juga penyelidik UMP menjalani penempatan industri di sini yang dapat memberi peluang pembangunan staf di samping menempatkan pelajar UMP yang menjalani latihan industri, projek tahun akhir dan akhirnya ditawarkan pekerjaan di Sapura.

“Begitu juga dengan pembangunan sumber manusia pekerja mahir dan separuh telah dijalankan antara Sapura dan UMP bagi pembangunan projek pusat kecemerlangan industri (I-COE) untuk sektor kejuruteraan automotif,” katanya.

Beliau mengharapkan kelebihan dan kepakaran yang dimiliki oleh kedua-dua institusi ini berupaya untuk digembleng dan dimanfaatkan untuk kedua-dua pihak UMP dan Sapura Industrial.